

## **KONSEP BUDAYA HEDONISME & GARIS PANDUAN BERKAITAN DARIPADA AL-QURAN DAN AS-SUNNAH**

Nur Amirah binti Mohd Zaidi<sup>1</sup>  
Nurul Maisarah binti Zaharuddin<sup>2</sup>  
Nurul Hannah binti Shukor<sup>3</sup>  
Sukhairu bin Sulaiman<sup>4</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Pengajian Quran Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia, (E-mail: [mira\\_zaidi@raudah.usim.edu.my](mailto:mira_zaidi@raudah.usim.edu.my))

<sup>2</sup>Fakulti Pengajian Quran Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia, (E-mail: [mai\\_sarah@raudah.usim.edu.my](mailto:mai_sarah@raudah.usim.edu.my))

<sup>3</sup>Fakulti Pengajian Quran Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia, (E-mail: [nurulhannah@raudah.usim.edu.my](mailto:nurulhannah@raudah.usim.edu.my))

<sup>4</sup>Darul Quran JAKIM, Malaysia, (E-mail: [sukhairu@islam.gov.my](mailto:sukhairu@islam.gov.my))

### **ABSTRAK**

Artikel ini bertujuan menerangkan konsep hedonisme beserta bukti bagi menyokong setiap hujah yang akan diberikan. Artikel ini akan mengupas dengan terperinci mengenai sejarah budaya hedonisme di samping mengenal pasti ciri-ciri mereka yang mengamalkan budaya ini dalam kehidupan. Selain itu, penulis juga akan mengulas perbezaan budaya hedonisme pada zaman dahulu dan masa kini serta membincangkan garis panduan daripada Al-Quran dan As-Sunnah berkaitan dengannya. Objektif artikel ini adalah untuk memberi pendedahan berkaitan hedonisme yang berkait rapat dengan hiburan duniawi, iaitu satu bentuk pemikiran yang berpandangan bahawa memaksimumkan keseronokan adalah perkara terbaik dalam kehidupan manusia. Budaya ini telah meresap dalam minda manusia terutamanya anak-anak muda yang diharapkan dapat menjadi tunjang kepada sebuah negara dan aset kepada umat Islam secara umumnya. Kajian ini adalah berbentuk kualitatif yang bergantung kepada beberapa kaedah pengumpulan data dan analisis yang melibatkan penyelidikan dalam kajian. Antara kaedahnya ialah pembacaan Al-Quran, buku dan jurnal yang berkaitan dengan tajuk kajian. Setelah melihat keutuhan akidah serta kepercayaan yang amat tinggi oleh orang Islam terhadap Tuhan Yang Maha Esa, Allah SWT, musuh Islam telah menjadikan budaya hedonisme ini sebagai senjata utama mereka dalam melemahkan umat Islam secara halus. Oleh yang demikian, signifikan artikel ini adalah untuk menjadi salah satu medium bagi kita memahami isu ini seterusnya membanteras budaya ini daripada menular dalam kalangan masyarakat melalui garis panduan Al-Quran & As-Sunnah. Hal ini adalah kerana penyebaran budaya hedonisme ialah ancaman dan penyebab kerosakan sekiranya ianya tidak dibendung daripada sekarang.

**Kata Kunci:** Hedonisme, Hiburan, Budaya, Duniawi, Al-Quran, As-Sunnah

### **Pendahuluan**

Budaya menurut Kamus Dewan diertikan sebagai tamadun, kemajuan fikiran, akal budi atau cara berfikir, berkelakuan, dan sebagainya. Menurut Kamus Am pula bermaksud peradaban, fikiran, akal budi. Manakala berdasarkan Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan pula bererti

kemajuan rohani, jasmani, sudah maju akal budi, kultur. Seterusnya merujuk kepada Kamus Bahasa Melayu budaya ialah fikiran manusia melalui latihan dan pengalaman dan Kamus Malaysiana mendefinisikan budaya sebagai cara berkelakuan seperti berfikir dan lain-lain, kemajuan akal budi, kebudayaan.

Hedonisme merupakan suatu pola pemikiran yang menyatakan bahawa memaksimumkan keseronokan adalah perkara terbaik dan amat disukai dalam kehidupan manusia di alam ini. Istilah hedonisme ialah cantuman daripada dua perkataan iaitu 'hedone' dan 'isme'. Perkataan pertama iaitu hedone merupakan istilah Greek (Yunani) yang bererti kesenangan atau keseronokan. Maksud perkataan kedua iaitu isme dijelaskan dalam Kamus Dewan sebagai akhiran asing kepercayaan, gerakan politik atau keagamaan, sikap, serta perlakuan. Perkataan hedonisme diertikan sebagai suatu pegangan atau pandangan hidup yang mementingkan keseronokan atau kesenangan hidup. Oxford English Dictionary mendefinisikan hedonisme sebagai satu doktrin atau teori etika yang menyatakan bahawa keseronokan merupakan tahap kebaikan tertinggi atau matlamat akhir sesuatu tindakan.

## **Metodologi Kajian**

Kajian ini merupakan kajian kualitatif. Penyelidikan kualitatif bergantung kepada beberapa kaedah pengumpulan data dan analisis yang melibatkan penyelidikan dalam kajian. Antaranya ialah kaedah pembacaan buku, jurnal dan artikel yang berkaitan dengan tajuk kajian. Ini dilaksanakan untuk Konsep Budaya Hedonisme Dan Garis Panduan Mengikut Al-Quran dan As-Sunnah.

## **Prosedur Pengumpulan Data**

Kajian telah dihasilkan melalui beberapa kaedah iaitu:

### ***Pembacaan***

Penulis telah mengumpulkan banyak maklumat berdasarkan budaya hedonisme dan aspek yang berkaitan dengannya seperti sejarah, amalan budaya hedonism dan lain-lain.

### ***Analisis***

Setiap maklumat dan bahan yang diperolehi daripada kaedah diatas akan dianalisis terlebih dahulu oleh penulis secara terperinci. Ini bertujuan untuk memastikan maklumat dan bahan yang digunakan adalah tepat dan benar.

## **Kajian Terdahulu**

Menurut Jeremy Bentham (1748), hedonisme mempunyai hubungan secara tidak langsung dengan fitrah yang menghubungkan manusia dengan faktor kegembiraan dan kesakitan. Faktor

ini akan mempengaruhi kehidupan manusia dalam mengambil sesuatu tindakan seperti menunjukkan apa yang mesti dilakukan di samping menentukan sesuatu tindakan yang patut dilakukan.

Selain itu, Sidgwick (1981) pula menyarankan individu yang menjalani gaya hidup hedonisme ini perlu peka terhadap tindakan yang mendatangkan impak kepada keseronokan dan kebahagiaan tersebut. Peranan mereka adalah meningkatkan nisbah pengalaman menyenangkan dan mengurangkan nisbah kesakitan. Namun begitu, terdapat satu aliran dalam hedonisme yang mendakwa jika wujud sesuatu prinsip moral dalam masyarakat yang menjadi penghalang di dalam mencapai kebahagiaan, maka prinsip tersebut sepatutnya diingkari. Ini bermaksud, kebahagiaan dan keseronokan merupakan matlamat utama dalam budaya hedonisme sehingga dibenarkan melanggar prinsip moral tersebut.

Selain itu, Socrates (469-399 S.M.) dalam penulisannya menyatakan bahawa tujuan kehidupan manusia ialah mencari kebahagiaan. Matlamat utama dalam kehidupan manusia adalah mencapai kebahagiaan jiwa. Menurut Socrates, manusia perlu mengenali dirinya sendiri yang memiliki 'diri yang nyata'. Kebahagiaan yang nyata terdapat dalam pengenalan diri yang nyata tersebut. Apabila seseorang individu mengenal siapa dirinya, individu tersebut akan mengetahui kaedah yang sebaik-baiknya untuk dilakukan bagi mencapai kebahagiaan.

Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa hedonisme merupakan satu gaya hidup negatif dan perlu dihapuskan kerana gaya hidup ini boleh menyebabkan pelbagai isu sosial lain seperti perpecahan, penentangan terhadap norma hidup positif dan boleh merosakkan fahaman akidah seseorang dan akhirnya akan mengagalkan usaha membina masyarakat yang sempurna, dari segi intelek, rohani, jasmani dan emosi.

## **Sejarah Budaya Hedonisme**

Hedonisme sering dikaitkan dengan pemikiran Yunani purba. Ahli-ahli falsafah Yunani mempelopori percubaan membuat penyelidikan mengenai konsep keseronokan dan kesengsaraan. Majoriti ahli falsafah purba mempunyai teori tersendiri mengenai konsep ini. Antara mereka yang menghasilkan penulisan mengenai konsep ini termasuklah Democritus, Plato, Aristotle, Socrates, dan ramai lagi.

Aristippus of Cyrene (435-356 S.M.) mendakwa bahawa keseronokan merupakan satu-satunya perkara yang dicari dalam hidup manusia. Berdasarkan kepada konsep keseronokan, pergerakan licin digambarkan sebagai suatu unsur yang menghasilkan kepuasan jasad iaitu kesenangan dan pergerakan kasar mengakibatkan kesakitan badan iaitu ketidaksenangan. Walaupun kesakitan merupakan suatu pengalaman yang kurang menyenangkan, beliau tidak menafikan keberadaan sakit dalam mencapai keseronokan.

Sidgwick (1838-1900) menyarankan para hedonis supaya peka terhadap tindakan-tindakan yang mendatangkan impak kepada keseronokan dan kebahagiaan. Terdapat satu aliran dalam hedonisme yang mendakwa jika terdapat sesuatu prinsip moral dalam masyarakat yang menjadi penghalang di dalam mencapai kebahagiaan, maka prinsip tersebut sepatutnya

diingkari. Maksudnya, kebahagiaan dan keseronokan merupakan matlamat utama dalam budaya hedonisme sehinggakan dibenarkan melanggar prinsip moral.

Budaya hedonisme berakar umbikan daripada sekularisme iaitu keduniawian. Sekularisasi bertujuan untuk menjadi lebih terbuka kepada semua bentuk perubahan yang wujud di dalam persekitaran masa kini. Fenomena budaya hedonisme seperti pergaulan bebas, seks bebas, minum minuman keras, dan seumpamanya adalah sejajar dengan matlamat sekularisme untuk menghapuskan peranan agama dan Tuhan daripada segala urusan kehidupan manusia. Pergaulan dapat menghilangkan kebosanan dan kesunyian. Namun, pergaulan yang tiada batasan mengakibatkan keburukan. Pada era kini, fenomena pergaulan bebas melibatkan pelbagai aktiviti yang merosakkan masyarakat terutama golongan remaja seperti pengedaran dadah, penyalahgunaan pil ekstasi, dan pelacuran.

Manusia sanggup melakukan pelbagai cara untuk mengecap kebahagiaan seperti melancung ke seluruh pelusuk dunia, melakukan aktiviti mencabar, hidup bersama binatang, dan sebagainya. Namun, semua ini tidak memberikan kepuasan dan kebahagiaan berterusan. Kebiasaannya ia hanya bersifat sementara dan kebahagiaan yang dicari semakin jauh. Kebahagiaan hakiki adalah keyakinan yang kekal dalam hati dan jiwa manusia. Sesuatu amalan yang berasaskan kepada ilmu dan keyakinan akan menghasilkan kebahagiaan hakiki. Seseorang yang mencapai kebahagiaan hakiki tidak akan terlepas daripada menerima ujian penderitaan fizikal dan perasaan.

### **Budaya Hedonisme Mengikut Zaman**

Sewaktu Islam mula berkembang di tanah Arab, gejala sosial dan amalan buruk seperti minum arak, pelacuran, hiburan yang melampau dan berfoya-foya di kalangan masyarakat Arab Jahiliah begitu ketara. Hanya selepas Islam bertapak kukuh perkara itu dapat dibendung dan diatasi. Islam juga mengajar penganutnya melakukan perkara yang berfaedah dan menjauhi perkara yang sia-sia dengan mengemukakan konsep semua perbuatan yang dilakukan oleh manusia akan dihitung oleh Allah S.W.T di akhirat kelak.

Hedonisme moden lebih cenderung kepada perkara-perkara yang diwujudkan oleh dunia Barat dan menganggap segala sesuatu yang didatangkan dari Barat merupakan suatu pembaharuan dan ikutan kepada masyarakat. Mereka berpendapat bahawa satu-satunya jalan adalah menjelmakan diri sepenuhnya menjadi Barat, termasuk dalam sistem nilai dan moralnya. Hedonisme moden berkembang mengikut falsafah sekular Barat dan merupakan salah satu konsep moral yang bersifat sekular yang telah muncul di Amerika pada tahun 1876M yang dipelopori oleh Dr. Felix Adler dari Columbia University. Ia bermula apabila Amerika berhadapan dengan resolusi yang dibawa oleh American Ethical Union yang menyatakan kepentingan yang sangat penting ialah faktor etika perlu diasingkan dalam semua hubungan kehidupan peribadi, masyarakat, bangsa, negara dan di peringkat antarabangsa. Golongan moral sekular berpendapat, baik atau buruk adalah persoalan yang termasuk dalam konsep falsafah moral yang melahirkan pelbagai aliran falsafah moral sekular, di antaranya ialah aliran hedonisme yang membawa fahaman baik dan buruk merujuk kepada pertimbangan nafsu dan naluri.

Manakala John Stuart Mill (1806M -1873M) yang merupakan pejuang fahaman liberalisme di dunia Barat moden seperti juga Bentham, beliau melihat hedonisme dari sudut budaya liberalisme sebagaimana yang dilakukan di Barat pada hari ini. Menurutnya pemerintah dan masyarakat tidak berhak membatasi kehendak individu yang diinginkan dan dinikmati selagi tidak membahayakan, walaupun tindakan tersebut dianggap merugikan atau merosakkan seperti berjudi, menyalahgunakan alkohol, pelacuran, hiburan yang melampau dan lain-lain lagi. Baginya kebebasan bermaksud hak individu yang baik tanpa gangguan dan campur tangan orang lain.

Masyarakat pada masa kini terutamanya remaja terdedah kepada kerosakan akhlak, pemikiran dan tindakan yang kadangkala melampaui batas agama akibat daripada pengaruh budaya hedonisme yang datang dalam pelbagai bentuk sehingga meresap dalam diri kebanyakan individu.

### ***Muzik***

Antara cabang seni hiburan yang menjadi keseronokan utama pada hari ini ialah muzik. Perkara ini telah menjadi sebahagian yang penting dalam kehidupan moden sekarang ini kerana muzik yang meliputi nyanyian dan tarian ini dilihat telah merosakkan akhlak dan nilai-nilai keislaman. Perkembangan teknologi melalui media massa dan media cetak menyebabkan hedonisme berkembang dengan pantas tanpa disedari. Kewujudan aplikasi Tiktok telah membuka ruang yang besar kepada masyarakat terutama remaja untuk menonjolkan diri dalam bidang ini sehingga mengeneipkan batas agama Islam. Hal ini disokong oleh Chumaidi yang menyatakan sejarah telah membuktikan bahawa kemajuan sains dan teknologi dianggap keagungan peradaban manusia masa kini sekaligus menjadikan manusia kehilangan kesedaran nilai-nilai agama dalam diri. Penganjuran acara nyanyian, tarian dan konsert secara besar-besaran juga menyumbang kepada kerosakan nilai agama dan jati diri dalam kalangan masyarakat. Kesan hiburan yang melampau tanpa batasan ini akan mendatangkan kesan negatif terhadap pembentukan peribadi dan minda. Hiburan sebegini menjadikan masyarakat lalai serta alpa kepada tugas dan tanggungjawab masing-masing.

Oleh itu, masyarakat perlu memilih hiburan muzik yang betul dan tidak menyimpang daripada landasan agama, adat dan budaya. Tidak dapat dinafikan semua bentuk muzik tidaklah dapat dipisahkan daripada kehidupan tetapi masyarakat perlu peka memilih medium yang tidak bercanggah dengan etika, norma dan nilai yang sesuai seperti menghadiri majlis zikir dan selawat yang memuji kebesaran Allah SWT dan Nabi Muhammad SAW yang dipenuhi alunan lagu yang indah dan bait-bait lirik yang tidak melalaikan dan menambah keimanan kepada Allah dan Rasul.

### ***Dadah***

Hiburan yang dikuasai oleh unsur dadah amat membimbangkan. Ini kerana dadah merupakan musuh nombor satu dalam negara kita. Dadah merupakan satu istilah khas yang merujuk kepada sejenis bahan yang mendatangkan kemudaratan kepada kesihatan seseorang dari aspek fizikal, mental dan emosi serta tingkah laku pengguna apabila digunakan. Akibat daripada kesan ini, seseorang yang menyalahgunakan dadah akan menjadi ketagih dan akan

terus bergantung hidup kepadanya. Apatah lagi hiburan yang bercampur dengan unsur dadah akan merosakkan masyarakat.

Menurut al-Marbawi dadah dalam bahasa Arab disebut sebagai *almukhaddarat* iaitu benda yang boleh menyebabkan kehilangan pertimbangan dan kewarasan seperti ganja dan morfin. Statistik menunjukkan bahawa penagih dadah di Malaysia terdiri daripada kalangan bangsa Melayu yang beragama Islam (Abdul Fatah 2009). Majoriti penagih dadah ialah remaja yang dipenuhi rasa ingin tahu, mencuba perkara baru serta terpengaruh dengan rakan sebaya.

Faktor utama peningkatan kadar penagihan dadah ini ialah kelemahan iman, taqwa dan amal dalam kalangan umat Islam. Sedangkan Islam mengarahkan umatnya supaya sentiasa memelihara agama, nyawa, jiwa, akal, harta, maruah dan keturunan. Ketenangan dan kesejahteraan hidup apabila manusia mengamalkan agama. Dalam konteks pembangunan diri remaja, kepercayaan dan amalan agama Islam dapat menentang segala unsur negatif yang boleh mempengaruhi emosi dan mental remaja dan seterusnya menjadikan mereka bertindak melampaui batas.

### ***Pornografi***

Hedonisme juga berkait rapat dengan isu pornografi. Menurut Kamus Dewan pornografi merujuk perkataan erotik yang bermaksud membangkitkan nafsu syahwat dan memberahikan. Pornografi membawa kesan negatif terhadap pembinaan masyarakat. Menurut Fariza, ia merangsang nafsu syahwat penontonnya serta mendorong mereka meniru dan mempraktis gambaran tersebut. Apatah lagi, bagi golongan kanak-kanak dan remaja yang terdedah dengan pornografi memberikan kesan buruk kepada otak. Masalah yang lebih membimbangkan apabila ditakuti remaja terjebak pula kepada aktiviti seks bebas.

### **Garis Panduan Hedonisme menurut Al-Quran dan As-Sunnah**

Pengaruh budaya hedonisme merupakan salah satu budaya yang semakin menular khususnya kepada generasi muda Dunia Islam telah menghadapi cabaran tinggi yang boleh menghancurkan nilai-nilai kerohanian yang terdapat dalam ajaran Islam. Tanpa benteng dan pegangan aqidah Islam yang kuat sebagai pembimbing, nescaya umat Islam tidak akan mampu bertahan atau menghadapi serangan musuh dengan lahirnya ideologi-ideologi yang berselindung pada era modenisasi ini.

Pada dasarnya, Islam mengharuskan umatnya untuk berhibur kerana ianya menjadi sebahagian daripada fitrah kehidupan manusia. Ini berdasarkan kepada hadis daripada Aisyah r.a, beliau meriwayatkan:

أَنَّ أَبَا بَكْرٍ، دَخَلَ عَلَيْهَا وَالتَّيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عِنْدَهَا يَوْمَ فِطْرٍ أَوْ أَضْحَى، وَعِنْدَهَا فَيَنْتَانِ {تُعَيَّيَانِ} بِمَا تَقَادَفَتْ الْأَنْصَارُ يَوْمَ بُعَاثَ. فَقَالَ أَبُو بَكْرٍ مِرْمَارُ الشَّيْطَانِ مَرَّتَيْنِ. فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ " دَعَهُمَا يَا أَبَا بَكْرٍ، إِنَّ لِكُلِّ قَوْمٍ عِيدًا، وَإِنَّ عِيدَنَا هَذَا الْيَوْمَ "

Maksudnya: Suatu hari Abu Bakar RA datang melawatnya pada hari Raya Aidilfitri atau Aidiladha, dan Nabi Muhammad SAW ada bersamanya pada hari itu. Bersama Aisyah juga ada dua orang penyanyi wanita yang sedang menyanyikan lagu kaum Ansar tentang hari Bu'ath. Maka Abu Bakar pun berkata "seruling syaitan" sebanyak dua kali. Maka Nabi SAW pun berkata "biarkan mereka berdua wahai Abu Bakar, sesungguhnya bagi setiap kaum ada hari perayaan, dan hari ini merupakan hari raya bagi kita."

(Sahih al-Bukhari no 3931)

Namun hiburan mestilah tidak berlebihan sehingga melupakan Allah itu adalah dilarang sama sekali. Hal ini sejajar dengan Firman Allah S.W.T yang disebut di dalam Quran:

وَمِنَ النَّاسِ مَنْ يَشْتَرِي هُوَ الْحَدِيثَ لِيُضِلَّ عَنْ سَبِيلِ اللَّهِ بِغَيْرِ عِلْمٍ وَيَتَّخِذَهَا هُزُوًا أُولَٰئِكَ هُمُ عَذَابُ مُهِينٍ (٦)

Maksudnya : " Dan ada di antara manusia orang yang memilih serta membelanjakan hartanya pada cerita-cerita dan perkara-perkara hiburan yang melalaikan yang menyesatkan (dirinya dan orang ramai ) dari agama Allah dengan tidak berdasarkan sebarang pengetahuan , dan ada pula orang yang menjadikan agama Allah itu sebagai ejek-ejekan merekalah orang – orang yang akan beroleh azab yang menghinakan" (Surah Luqman:6)

Menurut Syeikh Yusuf Al-Qadrawi, maksud hedonisme yang diharuskan oleh Islam itu ialah dengan syarat ia tidak dicampuri dengan dengan kata-kata kotor, keji atau yang boleh memberangsangkan kepada perbuatan dosa. Oleh itu, kita masih lagi boleh berhibur tetapi mestilah mengawalinya dengan baik. Alangkah baiknya jika kita menjadikan budaya hedonisme ini dengan cara Islam iaitu dengan berzikir. Firman Allah SWT:

أَلَا بِذِكْرِ اللَّهِ تَطْمَئِنُّ الْقُلُوبُ

Maksudnya: "Hanya dengan mengingati Allah, hati akan menjadi tenang"(Surah Ar-Rad:28)

Di samping itu, garis panduan dan petunjuk yang ditetapkan oleh syariat Islam dijadikan pedoman yang perlu dipatuhi oleh setiap manusia. Sesungguhnya syaitan dan iblis sentiasa mencari jalan untuk menyesatkan manusia seperti digambarkan dalam Al-Quran. Firman Allah yang bermaksud:

وَمَا الْحَيَوةُ الدُّنْيَا إِلَّا لَعِبٌ وَهُوَ يُولَدُ الْأَخْرَةَ خَيْرٌ لِلَّذِينَ يَتَّقُونَ أَفَلَا تَعْقِلُونَ (٣٢)

*“Dan tidak (dinamakan) kehidupan dunia melainkan permainan yang sia-sia dan hiburan yang melalaikan; dan demi sesungguhnya negeri akhirat itu lebih baik bagi orang yang bertakwa. Oleh itu, tidakkah kamu mahu berfikir” (Surah al-An`am: 32)*

Tambahan pula, Islam tidak melarang umatnya daripada mendapatkan keseronokan dalam kehidupan, kerana ia lebih cenderung menjadikan manusia yang semakin hari semakin alpa dan lalai dengan tipu daya masyarakat barat. Keseronokan hanyalah bersifat sementara kerana hedonisme ini lebih jauh terpesong dengan syariat Islam yang kaya dengan nilai-nilai kerohanian yang terpuji. Jelaslah bahawa aliran hedonisme ini bertentangan dengan syariat Islam yang mengutamakan nafsu sepenuhnya sedangkan Islam meletakkan al-quran dan sunnah sebagai paksi pemikiran sejagat. Hal ini kerana tunjang utama iman adalah akidah dan tauhidnya manakala Allah adalah segala tujuan hidup setiap individu Muslim.

Oleh yang demikian, jika kita meneliti keadaan golongan muda yang sudah terpengaruh dengan hedonisme ini mereka sudah jauh dengan aktiviti keislaman seperti usrah, kuliah agama kerana ini tidak bertepatan dengan keseronokan hawa nafsu mereka. Maka untuk mengelakkan diri dari terpengaruh dengan hedonisme ini, hendaklah berpegang dengan al-quran dan sunnah supaya tidak terpesong dengan ajaran Islam yang sebenar.

## **Kesimpulan**

Penulis beranggapan bahawa landasan budaya hedonisme yang perlu dijaga adalah berdasarkan ajaran agama Islam yang sebenar dan dapat dipraktikkan dengan pelbagai inisiatif bersesuaian dengan peredaran zaman.

Penulis juga membawakan contoh ayat dari al-Quran dan Hadis berkenaan garis panduan budaya hedonism mengikut al-Quran dan As-Sunnah. Justeru, budaya hedonisme ini bertentangan dengan aqidah umat Islam kerana sangat mementingkan kebebasan dalam berfikir sedangkan Islam meletakkan al-Quran dan Sunnah sebagai panduan. Hedonisme ini jika berlarutan dalam keseronokan duniawi akan membawa kepada kekufuran yang menolak ayat ayat al-Quran yang tidak selari.

Oleh itu, semua pihak tidak kira golongan muda atau dewasa seharusnya bekerjasama membanteras budaya hedonisme melampau yang boleh mengganggu keamanan dan keharmonian negara. Jadi, amatlah penting untuk mereka sedar akan cabaran dan kesan budaya hedonisme di dalam negara agar perkara ini tidak meluas dalam negara dan negara juga tidak dipandang rendah oleh negara lain. Dengan membanteras budaya hedonisme ini ianya dapat membentuk rakyat yang perpaduan dan dapat hidup dengan aman.

## **Rujukan**

Abdul Ghafar Don & Zaleha Mohd Ali, *Dakwah dan Cabaran De-Islamisasi di Malaysia*.

Al-Marbawi, Muhammad Idris Abdur Rauf. 1990. Kamus Idris Al-Marbawi. Darun Nu'man

- Arbak Othman, 1994, Kamus Bahasa Melayu, Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, hlm. 62.
- Bismillah Binti Za'bah, Nur Ain Khautsar Binti Ruslan, 2018, *Budaya Hedonisme Menurut Al-Quran*, Universiti Sultan Azlan Shah
- Chumaidi Syarif Romas. 2000. *Wacana Teologi Islam Kontemporer*. Indonesia: Tiara Wacana Yogya
- Fariza Md Sham, Sulaiman Ibrahim, dan Ideris Endut (ed.). 2000. *Dakwah dan perubahan sosial*. Kuala Lumpur: Utusan Publications dan Distributors Sdn Bhd
- Haji Zainal Abidin Safarwan (penyusun), 2002, Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan, Utusan Publications & Distributors Sdn.Bhd., Kuala Lumpur
- Halipah Hamzah, Muhammad Azizan Sabjan, Noor Shakirah Mat Akhir, 2016, *Konsep Budaya Hedonisme Dan Latar Belakangnya Dari Perspektif Ahli Falsafah Yunani Dan Barat Moden*, Jurnal al-Tamaddun Bil 11 (1), 49-58.
- Hamzah Bin Omar, Muhammad Faiz Mukmin Bin Abd Mutalib, Mohd Hasbie Al- Shiddieque Bin Ahmad, Mohd Azmal Huzaimie Bin Kamarul Zamal, 2019, *Pengamalan Budaya Berhibur Dalam Kalangan Mahasiswa Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor*, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2015, *Garis Panduan Hiburan dalam Islam*, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI.
- Mardzelah Makhsin, 2003, Pendidikan Islam. Bentong : PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd
- Mohd Ali Bin Iksan, 2010, *Pengaruh Budaya Hedonisme Di Kalangan Pelajar-Pelajar Islam : Kajian Di Smk Tengku Idris Shah, Kapar, Klang*, Jabatan Sejarah Dan Tamadun Islam Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya
- Mohd. Fadli Sulaiman, 2004, *Kebahagiaan: Definisi Islam*, Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., Kuala Lumpur
- Shahidah Hamzah, Nur Hafizah Yusoff, Fauziah Ani & Zahrul Akmal Damin, 2021, *Kesan Hedonisme Kepada Generasi Muda: Kajian Kes Di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Kampus Pagoh*, Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Volume 18, No 2.
- Wan Mohd. Nor Wan Daud, *Pembangunan di Malaysia: Ke Arah Satu Kefahaman Baru yang Lebih Sempurna*, hlm. 51- 53